



27 JUL, 2024

Kastam rampas 16 kenderaan mewah lari cukai RM2.3 juta

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam rampas 16 kenderaan mewah lari cukai RM2.3 juta

PETALING JAYA: Sebanyak 16 buah kereta mewah pelbagai model melibatkan cukai lebih RM2.3 juta disita Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam operasi Rabu lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, hasil pemeriksaan mendapati 16 unit kenderaan import itu tidak membayar cukai selain disimpan melebihi tempoh 48 bulan yang dibenarkan.

“Dalam serbuan JKDM zon tengah WPKL mendapati kenderaan import tersebut melanggar syarat lesen di bawah Seksyen 65(2) dan Seksyen 65(5) Akta Kastam 1967,” katanya dalam satu sidang media di Kompleks Kastam, Kelana Jaya disini.

Antara kenderaan import yang dirampas ialah Mercedes Benz, BMW dan Audi.

Menurut beliau, modus operandi syarikat tersebut tidak mengikrarkan kepada kastam jumlah kenderaan yang masih belum dibayar cukai dan cuba mengaburi mata pihak berkuasa di sebalik lesen import yang tamat tempoh.

“Syarikat juga gagal menjelaskan tunggakan cukai kenderaan

import serta menyalahgunakan kemudahan pengecualian cukai yang diberikan,” katanya.

Jelas beliau, siasatan lanjut diteruskan bagi mengenal pasti sama ada kesemua kenderaan tersebut mempunyai permit import atau tidak.

Dalam sidang akhbar sama, Norlela berkata, JKDM turut membongkarkan taktik satu sindiket menyimpan bekalan rokok putih dan kretek bernilai RM203,120 di Taman Shahzan, Kuantan, Pahang.

Serbuan dijalankan Bahagian Penguatkuasaan JKDM Zon Tengah Unit I (WPKL) kira-kira pukul 7.15 malam, 13 Julai lalu.

“Rampasan ini membabitkan jumlah cukai dan duti dianggarkan berjumlah RM766,880.

“Kita juga percaya bekalan ini diperoleh dari negara jiran dan diseludup masuk melalui ‘jalan tikus’.

“Pengimportan rokok adalah dibenarkan dengan syarat lesen import dan setem cukai yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam Malaysia di bawah Peraturan 42(1), Peraturan-Peraturan Kastam 2019,” katanya.



27 JUL, 2024

Kastam rampas 16 kenderaan mewah lari cukai RM2.3 juta

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA: Sebanyak 16 buah kereta mewah pelbagai model melibatkan cukai lebih RM2.3 juta disita Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam operasi Rabu lalu. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, hasil pemeriksaan mendapati 16 unit kenderaan import itu tidak membayar cukai selain disimpan melebihi tempoh 48 bulan yang dibenarkan.